



KENYATAAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** yang pendaftarannya masih berkuatkuasa di bawah kod bidang berkenaan bagi menyertai sebut harga berikut :-

NO. SEBUT HARGA	TAJUK SEBUT HARGA	KELAYAKAN	HARGA
UiTM/KR/SH/3/2/19	CADANGAN TAWARAN MENJALANKAN PERKHIDMATAN PERNIAGAAN KEDAI MAKANAN DAN MINUMAN DI BANGUNAN KAFETARIA DI PUSAT KEGIATAN PELAJAR, UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN NEGERI SEMBILAN KAMPUS REMBAU UNTUK TEMPOH DUA (2) TAHUN	040101 / 040102 / 040103 DAN SIJIL BUMIPUTERA	RM 30.00 (Tunai Sahaja)

1. Dokumen Sebut Harga

Dokumen Sebut Harga boleh didapati di **PEJABAT BENDAHARI, UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN NEGERI SEMBILAN, KAMPUS REMBAU, 71300 REMBAU, NEGERI SEMBILAN** pada waktu pejabat 8.15 pagi – 4.45 petang.

2. Dokumen Meja Tawaran Sebut Harga juga mula dipamer pada **04/01/2019** di Kaunter Pejabat Bendahari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau.
3. Kontraktor-kontraktor dikehendaki membawa bersama-sama **SIJIL PENDAFTARAN KEMENTERIAN KEWANGAN** dalam kod bidang seperti di atas dan **SIJIL TARAF BUMIPUTERA** yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan serta menyerahkan satu **SALINAN (fotostat)** sijil-sijil berkenaan semasa membeli dokumen sebut harga.
4. Satu (1) penyebut harga hanya dibenarkan mengemukakan satu (1) tawaran sebut harga sahaja.
5. Dokumen Sebut Harga yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di **PEJABAT BENDAHARI, UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN NEGERI SEMBILAN, KAMPUS REMBAU, 71300 REMBAU, NEGERI SEMBILAN** dengan menulis nombor dan tajuk Sebut Harga di sebelah kiri atas di sampul tawaran berkenaan.
6. Lawatan Tapak/Taklimat akan di buat pada **11/01/2019 (JUMAAT) JAM 10.00 PAGI DI BILIK MESYUARAT, ARAS 1, BANGUNAN PENTADBIRAN, UiTM KAMPUS REMBAU** . Dokumen sebut harga boleh dibeli selepas taklimat/lawatan tapak.
7. Lawatan tapak merupakan satu Syarat Wajib bagi menyertai Sebut Harga. Senarai kehadiran bagi lawatan tapak akan dicatat dan ditandatangani oleh kontraktor semasa sesi taklimat dan lawatan di tapak-tapak projek berkenaan yang akan diadakan pada tarikh dan masa seperti yang tersebut di atas.
8. Hanya Penama di dalam Perakuan Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) sahaja yang boleh menghadiri Taklimat dan Lawatan Tapak tersebut. Petender tidak boleh mewakili pegawai selain daripada Penama di dalam sijil-sijil yang dinyatakan. Kontraktor yang **TIBA LEWAT** daripada masa yang telah ditetapkan untuk sesi Taklimat dan Lawatan Tapak akan dikenakan tindakan seperti berikut :
 - i. Tidak dibenarkan menghadiri Taklimat dan Lawatan Tapak
 - ii. Tidak akan diberikan Borang Pengesahan Lawatan Tapak yang telah ditandatangani oleh Pegawai Jabatan Ini
 - iii. Tidak dibenarkan menyertai tawaran sebut harga yang dibuka ini dan sebarang rayuan tidak akan dipertimbangkan.
9. Tawaran Sebut Harga akan ditutup pada **18/01/2019 (Jumaat) Jam 12.00 Tengahari.**